

**SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.**

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                          |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------|
| File Ref. : <b>20190100614</b><br><br>Audit Type : <div style="display: inline-block; vertical-align: top;"> <input type="checkbox"/> Initial Certification Stage 2<br/> <input checked="" type="checkbox"/> Surveillance<br/> <input type="checkbox"/> Recertification         </div>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | <b>NON-CONFORMITY REPORT<br/>( NCR )</b><br><br>Classification : <u>Minor / Major</u><br>Standard : <b>ISO 9001:2015</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | NCR No. : <b>MMK01</b><br><br>Page 1 of 1<br><br>Audit Date : <b>23-26 Sept 2019</b>     |
| Client : <b>UPM</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                          |
| <b>Section 1 - Details of non-conformity</b><br><br>Requirement : <b>8.4 Kawalan Terhadap Perkhidmatan, Proses Dan Produk Sediaan Luar</b><br><br>Finding : Semasa pengauditan didapati beberapa pengawal keselamatan Dynamic GuardForce Sdn Bhd yang bertugas di Kolej 14 mengawal pos keselamatan 1 dan 2<br>a) tidak mempunyai rekod yang menunjukkan tapisan keselamatan telah dibuat dan lulus tapisan sebelum dibenarkan bertugas di Kolej 14<br>b) tidak dapat membuktikan kesemua pengawal keselamatan telah menjalani kursus Asas Pengawal Keselamatan<br><br>Objective evidence :<br>a) M. Kumaresan, K. Sathiswaran, Kumar<br>b) Muhamad Readei, M. Kumaresan, K. Sathiswaran, Kumar |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                          |
| Auditor : <br><div style="display: flex; align-items: center;">          (Mani Maaran Krishnan)       </div>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | Client's Representative : <br><div style="display: flex; align-items: center;">          (Prof. Dr. Amin Ismail)<br/> <div style="margin-left: 10px; text-align: right;"> <b>PROF. DR. AMIN ISMAIL</b><br/>           Wakil Pengurusan<br/>           Universiti Putra Malaysia         </div> </div> |                                                                                          |
| <b>Section 2 - Result of investigation and determination of root cause</b><br><br><div style="text-align: center; font-size: 1.2em;">Rujuk Lampiran 1 (Bahagian 2)</div> <div style="text-align: center; margin-top: 20px;">  </div>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                          |
| Client's Representative : <br><div style="display: flex; align-items: center;">          (Prof. Dr. Amin Ismail)<br/> <div style="margin-left: 10px; text-align: right;"> <b>PROF. DR. AMIN ISMAIL</b><br/>           Wakil Pengurusan<br/>           Universiti Putra Malaysia         </div> </div>                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                          |
| <b>Section 3 - Corrective action plan including completion date</b><br><br><div style="text-align: center; font-size: 1.2em;">Rujuk Lampiran 1 (Bahagian 3)</div>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                          |
| Client's Representative : <br><div style="display: flex; align-items: center;">          (Prof. Dr. Amin Ismail)<br/> <div style="margin-left: 10px; text-align: right;"> <b>PROF. DR. AMIN ISMAIL</b><br/>           Wakil Pengurusan<br/>           Universiti Putra Malaysia         </div> </div>                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                          |
| Accepted by : _____<br>( _____ )                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                          |
| <b>Section 4 - Verification</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                          |
| Verified by : _____<br>( _____ )                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | NCR Close Out : <input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No<br>Date : _____ |

**BAHAGIAN 2: KEPUTUSAN HASIL PENYIASATAN DAN PENGENALPASTIAN PUNCA**

(Sila gunakan kaedah 5 Why, Ishikawa atau yang bersesuaian dalam mengenalpastian punca)

Tiada kefahaman pegawai PJSD yang mengendalikan pengurusan pengawal keselamatan.

**BAHAGIAN 3: PEMBETULAN SEKIRANYA BERKENAAN DAN PELAN TINDAKAN  
PEMBETULAN DAN TARIKH PELAKSANAAN:**

**3.1 Pembetulan (jika ada)**

Tiada

**3.2 Pelan Tindakan Pembetulan**

Taklimat Keperluan ISO 9001:2015 khusus berkaitan perkhidmatan sediaan luar yang perlu akur, kepada pegawai PJSD dan Syarikat Kawalan Keselamatan

**Tarikh Pelaksanaan:** 25 Oktober 2019

**BAHAGIAN 4: BUKTI YANG DIKEMUKAKAN KEPADA PIHAK SIRIM**

1. Minit Mesyuarat Khas Kolej Serumpun Bersama PJSD Sdn Bhd. (taklimat dilaksana semasa mesyuarat khas tersebut);
2. Dokumen taklimat; dan
3. Senarai Kehadiran Mesyuarat Khas Kolej Serumpun Bersama PJSD Sdn Bhd (Rujuk Lampiran Minit Mesyuarat).

---

**Lampiran**  
**BUKTI PELAKSANAAN TINDAKAN**  
**NCR-02: MMK**

---

## **MINIT MESYUARAT KHAS KOLEJ SERUMPUN BERSAMA PJS DEVELOPMENT SND. BHD.**

---

**TARIKH : 25 OKTOBER 2019**

**MASA : 9.30 PAGI**

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT KOLEJ EMPAT BELAS**

---

### **MINIT 1.01 : ALUAN Pengerusi**

Pengerusi,

- a. Merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Mesyuarat yang hadir pada Mesyuarat Khas Kolej Serumpun Bersama PJS Development Snd Bhd.

### **MINIT 1.02 : KAWALAN KESELAMATAN DI KOLEJ SERUMPUN**

Mesyuarat:

- a. Dimaklumkan bahawa Pengurusan Syarikat Kawalan Keselamatan di Kolej Serumpun telah diserahkan kepada Pengurusan Kolej Serumpun mulai bulan Julai 2019.

(Makluman: Semua)

- b. Dimaklumkan bahawa pada Audit SIRIM yang telah dijalankan pada bulan September yang lepas, pihak Auditor SIRIM telah mendapati Pengawal Keselamatan di Kolej Serumpun tidak patuh kepada keperluan Sistem Pengurusan Kualiti UPM dan telah memberikan Laporan Ketidakpatuhan terhadap Syarikat Kawalan Keselamatan yang dilantik di Kolej Serumpun.

(Makluman: Semua)

- c. Dimaklumkan bahawa pihak Auditor SIRIM telah mendapati Pengawal Keselamatan yang bertugas di Kolej Serumpun tidak mempunyai rekod tapisan keselamatan dari Kementerian Dalam Negeri dan juga tidak pernah menghadiri kursus Asas Pengawal Keselamatan sebelum mula bertugas di Kolej Serumpun.

(Makluman: Semua)

- d. Memohon kepada Syarikat Kawalan Keselamatan yang bertugas di Kolej Serumpun bagi mengemukakan dokumen tapisan keselamatan dan juga sijil menghadiri Kursus Asas Pengawal Keselamatan kepada pihak Kolej Serumpun bagi tujuan maklum balas kepada pihak SIRIM.

(Tindakan: PJSD)

- e. Juga memohon kepada Syarikat Kawalan Keselamatan supaya menyerahkan dokumen terkini mengenai maklumat peribadi Pengawal Keselamatan yang bertugas di Kolej Serumpun bagi tujuan rekod simpanan pihak Kolej.

(Tindakan: PJSD)

- f. Dimaklumkan oleh pihak Syarikat Kawalan Keselamatan bahawa mereka akan menyediakan maklumat berkaitan Pengawal Keselamatan dan akan diserahkan kepada pihak Kolej dalam waktu terdekat.

(Makluman: Semua)

- g. Memohon supaya Syarikat Kawalan Keselamatan menyerahkan jadual tugas pemantauan keselamatan di Kolej Serumpun dengan kadar segera kepada pihak Kolej.

(Tindakan: PJSD)

- h. Memberikan ruang kepada Encik Mohd Hazrie bin Minhat, Penolong Pegawai Tadbir Kolej 14 untuk memberikan taklimat kepada pihak PJSD dan Syarikat Kawalan Keselamatan tentang keperluan ISO UPM bagi skop kerja serah urus di Kolej Serumpun. Selain itu juga, Pengurusan Kolej 14 telah menyerahkan 1 salinan dokumen manual kualiti ISO SIRIM kepada pihak PJSD bagi rujukan mereka.

(Makluman: Semua)

- i. Mengambil maklum bahawa kontrak Syarikat Kawalan Keselamatan yang dilantik oleh pihak PJSD akan tamat pada bulan Ogos tahun 2020.

(Makluman: Semua)

- j. Dimaklumkan mengenai isu Pengawal Keselamatan yang tidak melakukan rondaan semasa bertugas. Pengerusi mesyuarat memohon pihak Syarikat Kawalan Keselamatan supaya memastikan Pengawal Keselamatan yang bertugas melakukan rondaan secara konsisten.

(Makluman: Semua)

- k. Memohon supaya Syarikat Kawalan Keselamatan meningkatkan kawalan keselamatan dan mengambil tindakan mengunci tayar kenderaan yang memasuki kawasan Kolej tanpa kebenaran.

(Makluman: Semua)

### **MINIT 1.03 : PENGINAPAN PELAJAR DI KOLEJ SERUMPUN**

Mesyuarat:

- a. Dimaklumkan bahawa mulai bulan November 2019 pihak PJSD tidak akan menyediakan staf yang bertugas selepas pada waktu pejabat bagi kes pelajar yang tertinggal kunci bilik.

(Makluman: Semua)

- b. Mengambil maklum berkenaan permohonan dari pihak PJSD untuk membenarkan staf teknikal PJSD bagi menggunakan bilik di belakang Dewan PJSD untuk tujuan bilik staf teknikal bertugas.

(Makluman: Semua)

- c. Memohon agar pihak PJSD dapat menyerahkan kunci pendua kepada Pengurusan Kolej Serumpun dengan kadar segera.

(Tindakan: PJSD)

- d. Dimaklumkan bahawa tahap kebersihan di blok penginapan pelajar adalah sangat tidak memuaskan. Pengerusi mesyuarat memohon supaya tindakan segera diambil oleh pihak PJSD.

(Tindakan: PJSD)

- e. Juga dimaklumkan bahawa terdapat sampah sarap yang dilonggokkan di tepi blok penginapan pelajar. Pengerusi mesyuarat memohon supaya pihak PJSD segera membersihkan kawasan tersebut supaya tidak memberikan imej yang buruk kepada Pengurusan Kolej.

(Tindakan: PJSD)

- f. Dimaklumkan oleh pihak PJSD bahawa mereka mengalami masalah kekurangan pekerja pembersihan dari Syarikat Kontraktor Pembersihan yang dilantik dan pihak PJSD akan segera berhubung dengan Syarikat Kontraktor Pembersihan yang dilantik bagi menyelesaikan masalah yang timbul.

(Makluman: Semua)

- g. Memohon supaya pihak PJSD membina sebuah rumah sampah di kawasan Kolej Serumpun bagi memudahkan pekerja pembersihan membuang sampah dari blok penginapan pelajar ke kawasan rumah sampah yang disediakan.

(Makluman: Semua)

(Tindakan: PJSD)

- h. Memohon supaya pihak PJSD melantik seorang Penyelia Kontraktor Pembersihan bagi memudahkan pihak Kolej berkomunikasi dengan pihak Kontraktor Pembersihan.

(Tindakan: PJSD)

- i. Memohon supaya pihak PJSD melakukan pembersihan terhadap Dewan PJSD dengan kadar segera kerana tahap kebersihan di dewan tersebut sangat tidak memuaskan.

(Tindakan: PJSD)

- j. Juga memohon supaya pihak PJSD membaiki lampu jalan dan memasang lampu limpah di kawasan parkir kereta di tepi blok P7 kerana kawasan tersebut terlalu gelap dan berisiko kepada pelajar.

(Tindakan: PJSD)

- k. Dimaklumkan bahawa Pengurusan Kolej Serumpun ada menerima aduan dari pelajar berkenaan isu pepijat di tilam katil pelajar. Pengerusi mesyuarat memohon agar tindakan segera diambil oleh pihak PJSD bagi menangani isu pepijat di bilik pelajar.

(Tindakan: PJSD)

- l. Dimaklumkan bahawa terdapat kes demam denggi di Kolej Serumpun dan Pengerusi mesyuarat memohon pihak PJSD untuk melakukan semburan kabus bagi mencegah pembiakan nyamuk aedes.

(Tindakan: PJSD)

- m. Dimaklumkan bahawa kerja-kerja naik taraf di Bilik Eksklusif di blok P5 dan P6 masih belum sempurna dan memohon pihak PJSD untuk segera menyiapkan kerja-kerja naik taraf tersebut.

(Tindakan: PJSD)

- n. Dimaklumkan bahawa terdapat banyak aduan kerosakan dibilik pelajar yang tidak dilakukan oleh pihak PJSD dalam masa yang ditetapkan. Pengerusi mesyuarat memohon supaya pihak PJSD segera melakukan kerja-kerja pembaikan di bilik pelajar yang mengalami kerosakan.

(Tindakan: PJSD)

- o. Dimaklumkan bahawa mulai bulan November 2019 PJSD akan menambah bilangan pekerja teknikal bagi memastikan kerja-kerja pembaikan bilik pelajar dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

(Makluman: Semua)

#### **MINIT 1.04 : PENANGGUHAN**

Mesyuarat khas Kolej Serumpun bersama PJS Development ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

**SENARAI KEHADIRAAN MESYUARAT KHAS KOLEJ SERUMPUN BERSAMA  
PJS DEVELOPMENT**

- |                                                                          |             |
|--------------------------------------------------------------------------|-------------|
| 1) Prof. Madya Dr. Khairulmazmi bin Ahmad<br>Pengetua<br>Kolej 14        | - Pengerusi |
| 2) Prof. Madya Dr. Mohamad Aris bin Mohd Moklas<br>Pengetua<br>Kolej 12  |             |
| 3) Puan Norhaslizah bt Mis<br>Penolong Bendahari Kanan<br>Pejabat Bursar |             |
| 4) Puan Jackie Yeoh<br>PJS Dvelopment Snd Bhd                            |             |
| 5) Encik Vince Tan<br>PJS Development Snd Bhd                            |             |
| 6) Encik Sazali bin Ahmad<br>Security Guard Force                        |             |
| 7) Tuan Haji Sulaiman<br>Security Guard Force                            |             |
| 8) Encik Abdul Aziz bin Jantan<br>Pegawai Tadbir Kanan<br>Kolej 12       |             |
| 9) Puan Norshahilda bt Md Shahril<br>Penolong Pegawai Tadbir<br>Kolej 12 |             |
| 10) Encik Mohd Hazrie bin Minhat<br>Penolong Pegawai Tadbir<br>Kolej 14  | - Pencatat  |



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**  
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

# **TAKLIMAT PENERANGAN BERKENAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI UPM BERSAMA PJS DEVELOPMENT & DYNAMIC GUARD FORCE**

**SKOP :**

**Kawalan terhadap proses, produk dan perkhidmatan sediaan luar**

# HASIL PENEMUAN AUDIT DI KOLEJ 14 UPM

## Finding :

Semasa pengauditan didapati beberapa pengawal keselamatan Dynamic GuardForce Sdn. Bhd. yang bertugas di Kolej 14 mengawal pos keselamatan 1 dan 2

1. Tidak mempunyai rekod yang menunjukkan tapisan keselamatan telah dibuat dan lulus tapisan sebelum dibenarkan bertugas di kolej 14.
2. Tidak dapat membuktikan kesemua pengawal keselamatan telah menjalani kursus Asas Pengawal Keselamatan.

# PENGENALAN KEPADA SISTEM PENGURUSAN KUALITI UPM

Sistem Pengurusan Kualiti :

“Penerimgunaan sistem pengurusan kualiti ialah suatu keputusan strategik untuk sesebuah organisasi yang boleh membantu untuk meningkatkan prestasi secara menyeluruh dan menyediakan asas yang kukuh bagi inisiatif pembangunan mampan.”

# FAEDAH DARI PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Faedah yang mungkin kepada organisasi dalam melaksanakan sistem pengurusan kualiti berdasarkan Standard Antarabangsa ini adalah:

- i. keupayaan untuk menyediakan secara tekal produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan, serta keperluan berkanun dan peraturan yang diguna pakai.
- ii. memudahkan peluang untuk meningkatkan kepuasan pelanggan.
- iii. menyatakan risiko dan peluang yang berkaitan dengan konteks dan matlamatnya
- iv. keupayaan untuk menunjukkan keakuran terhadap keperluan sistem pengurusan kualiti yang ditetapkan.

## KLAUSA 8.4

### (KAWALAN TERHADAP PROSES, PRODUK DAN PERKHIDMATAN SEDIAAN LUAR)

Organisasi hendaklah menentukan kawalan yang akan diguna pakai bagi proses, produk dan perkhidmatan sediaan luar apabila:

- i. Produk dan perkhidmatan daripada penyedia luar bermaksud untuk dijadikan sebahagian daripada produk dan perkhidmatan organisasi itu sendiri.
- ii. Produk dan perkhidmatan disediakan secara terus kepada pelanggan oleh penyedia luar bagi pihak organisasi.
- iii. Proses atau sebahagian daripada proses, disediakan oleh penyedia luar berdasarkan keputusan yang dibuat oleh organisasi.

#### 8.4.2 Jenis dan takat kawalan

Organisasi hendaklah memastikan bahawa proses, produk dan perkhidmatan sediaan luar tidak memberi kesan bertentangan terhadap kemampuan organisasi untuk membekalkan secara tekal produk dan perkhidmatan yang akur dengan keperluan kepada pelanggannya.

Maka, organisasi hendaklah:

- i. Memastikan bahawa proses sediaan luar kekal dalam kawalan sistem pengurusan kualitinya.
- ii. Menetapkan kawalan yang dimaksudkan untuk diguna pakai terhadap kedua-dua penyedia luar dan output yang terhasil.

## KLAUSA 8.4

### (KAWALAN TERHADAP PROSES, PRODUK DAN PERKHIDMATAN SEDIAAN LUAR)

- iii. Perlu mengambil kira:
  - a) Impak yang mungkin terhasil daripada proses, produk dan perkhidmatan sediaan luar terhadap kemampuan organisasi untuk memenuhi secara tekal keperluan pelanggan serta keperluan berkanun dan peraturan yang terpakai.
  - b) Keberkesanan kawalan yang diguna pakai oleh penyedia luar.
- iv. Menentukan aktiviti penentusahan atau aktiviti lain yang perlu bagi memastikan bahawa proses, produk dan perkhidmatan sediaan luar memenuhi keperluan.

## **Peranan dan Tanggungjawab Kolej:**

1. Memastikan semua dokumen berkaitan Syarikat Kawalan Keselamatan diperoleh dan disimpan.
2. Melakukan pemeriksaan berkala terhadap Pengawal Keselamatan yang bertugas di Kolej.

## **Peranan dan Tanggungjawab PJS Development:**

1. Memastikan keperluan Sistem Pengurusan Kualiti UPM dipenuhi dan dipatuhi.
2. Memastikan Syarikat Kawalan Keselamatan mematuhi arahan dan keperluan yang ditetapkan oleh pihak Kolej dan Universiti.



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**  
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

Terima Kasih | *Thank You*